

PEMAHAMAN DAN KESEDARAN PENYAKIT SOSIAL (HUBUNGAN SONGSANG): TINJAUAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI TAMBUNAN

***UNDERSTANDING AND AWARENESS OF SOCIAL ISSUES (SAME-SEX
RELATIONSHIPS): A STUDY AMONG STUDENTS OF KOLEJ
KOMUNITI TAMBUNAN***

Munirah Hayati Abd Halim¹

¹ Kolej Komuniti Tambunan (E-mail: munirahhayati@kktbs.edu.my)

Article history

Received date : 15-12-2024

Revised date : 16-12-2024

Accepted date : 24-3-2025

Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Abd Halim, M. H. (2025). Pemahaman dan kesedaran penyakit sosial (hubungan songsang): Tinjauan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tambunan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 146 - 153.

Abstrak: Penyakit sosial dilihat semakin menular dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman, kesedaran dan sikap pelajar terhadap isu hubungan songsang. Sampel kajian terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Tambunan, di mana teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan rawak. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data adalah melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis deskriptif, yang digunakan untuk menganalisis data dan mengenal pasti corak serta trend daripada jawapan responden. Dapatkan menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kefahaman dan kesedaran yang sederhana mengenai isu ini, Walaupun pelajar menyedari bahaya hubungan songsang, tahap pengetahuan mereka masih lagi terbatas. Dari segi sikap, pelajar menunjukkan sikap negatif terhadap hubungan songsang, ini mencerminkan penolakan mereka terhadap hubungan yang bertentangan dengan norma agama dan fitrah semula jadi seorang manusia. Kajian ini juga penting sebagai asas untuk merangka strategi pendidikan dan kesedaran yang lebih terarah. Hasil kajian ini boleh membantu pihak berkuasa, institusi pendidikan, serta badan-badan agama dalam merancang program yang menyeluruh untuk mempertingkatkan pemahaman pelajar mengenai bahaya hubungan songsang. Melalui kempen kesedaran, ceramah agama, dan pendidikan moral, langkah-langkah ini dapat membantu membentuk sikap pelajar yang lebih positif terhadap isu ini, seterusnya membendung penyebaran hubungan songsang dalam kalangan masyarakat. Dengan pendekatan yang holistik, kajian ini memberi panduan yang jelas untuk menangani cabaran sosial ini dari perspektif Islam dan pendidikan moral yang seimbang.

Kata Kunci. kesedaran, hubungan songsang, penyakit sosial

Abstract: Social issues are increasingly spreading within society. Therefore, this study was conducted to identify the level of understanding, awareness, and attitudes of students toward the issue of same-sex relationships. The study sample consisted of students from Kolej Komuniti Tambunan, where the sampling technique used was random sampling. The research instrument used to collect data was a questionnaire distributed to students. The analysis used in this study was descriptive analysis, which was employed to analyze data and identify patterns and trends from respondents' answers. Findings show that students have a moderate level of understanding and awareness of this issue. Although they recognize the dangers of same-sex relationships, their knowledge remains limited. In terms of attitude, students demonstrated a negative stance toward same-sex relationships, reflecting their rejection of relationships that contradict religious norms and the natural human disposition. This study is also crucial as a foundation for designing more targeted educational and awareness strategies. The findings can assist authorities, educational institutions, and religious organizations in planning comprehensive programs to enhance students' understanding of the dangers of same-sex relationships. Through awareness campaigns, religious talks, and moral education, these measures can help shape students' attitudes in a more positive direction, ultimately curbing the spread of same-sex relationships in society. With a holistic approach, this study provides clear guidance on addressing this social challenge from an Islamic and balanced moral education perspective..

Keywords: awareness, same-sex relationships, social issues

Pengenalan

Penyakit sosial seperti hubungan songsang atau singkatannya adalah LGBT merupakan fenomena yang semakin mendapat perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) merupakan golongan yang berperilaku songsang dan salah dari segi norma masyarakat mahupun dari sudut agama (Abdullah & Akhir, 2019). Keadaan ini merupakan isu yang kompleks dan pelbagai rupa yang boleh memberi implikasi mendalam terhadap kesejahteraan hidup dan prestasi akademik pelajar (Moldes et al., 2019). Banyak penyelidikan secara konsisten menunjukkan penyakit sosial ini mendatangkan kesan negatif seperti kesihatan mental, termasuk gangguan mood, kebimbangan, dan gangguan penggunaan bahan, dalam kalangan pelajar kolej (ED & Gracia, 2024). Kajian Gallup (2021) menunjukkan bahawa kira-kira 7.1% populasi dewasa di Amerika Syarikat mengenal pasti sebagai LGBT, meningkat daripada 5.6% pada tahun 2020 (Mallory & Sears, 2020). Di Eropah, peratusan ini berbeza-beza antara 5% hingga 10% bergantung kepada negara, dengan sokongan yang lebih tinggi terhadap perkahwinan sesama jenis di negara-negara seperti Belanda dan Sweden, di mana sokongan melebihi 80%. Di Asia, data mengenai populasi LGBT adalah lebih terhad disebabkan stigma sosial, tetapi kajian menunjukkan bahawa sekitar 2% hingga 4% mengenal pasti sebagai LGBT di negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan. Di Amerika Syarikat, sokongan terhadap perkahwinan sesama jenis mencapai 71%. Sebaliknya, di Asia Tenggara, negara seperti Brunei masih menghadapi cabaran besar dalam penerimaan hubungan sejenis, dengan sokongan kurang dari 20% (Mallory & Sears, 2020). Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan budaya dan sosial yang mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap LGBT di pelbagai kawasan.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan penyakit sosial ini dalam kalangan pelajar, ialah lemahnya pegangan agama dan kurangnya kefahaman berkaitan dengan kesan negatif hubungan songsang ini. Selain itu, Fatoni dan Situmorang (2020) menyatakan bahawa remaja sering dipengaruhi oleh norma sosial yang sedia ada, yang boleh mempengaruhi tingkah

laku mereka dalam menjalankan hubungan sejenis. Hubungan songsang sesama jantina dalam Islam adalah perbuatan yang haram kerana bertentangan dengan fitrah manusia, norma agama, dan boleh mendatangkan kesan negatif kepada individu dan masyarakat. Jika diperhatikan dari segi penerimaan masyarakat di Malaysia, kebanyakan individu sangat sensitif terhadap gaya hidup yang bertentangan dengan ajaran agama dan norma budaya timur, apatah lagi perlakuan yang menyimpang dari fitrah manusia (Sharul Fitry et al., 2019). Kajian oleh Mohamad (2015) juga mendapati bahawa statistik tangkapan yang dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama di seluruh Malaysia menunjukkan peningkatan, menggambarkan bahawa perlakuan LGBT terus berkembang dan semakin berleluasa (Mahmud & Zainol, 2022). Oleh itu, pemahaman yang mendalam tentang ajaran Islam dan penerapan nilai-nilai syariah adalah sangat penting dalam menjaga keharmonian dan kesucian hubungan sesama manusia. Pendidikan berkaitan dengan hubungan songsang ini hampir tidak diberikan di institusi pendidikan, namun kadang-kala isu ini sering dibincangkan di platform media sosial. Keadaan ini dilihat sangat bahaya dan pendidikan berkaitan isu ini perlu juga diterapkan di peringkat IPT di mana pelajar sedang mencari jalan kebebasan. Ini kerana hasil kajian Ahmad et al. (2015) mendapati bahawa faktor dominan yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dengan gejala lesbian apabila semua responden melaporkan bahawa mereka amat lemah dalam amalan keagamaan. Selain daripada itu, faktor keluarga, rakan-rakan dan faktor pasangan sejenis yang memahami antara satu sama lain turut menjadi punca kepada kegiatan ini. Semua responden dalam kajian tersebut melaporkan bahawa mereka mempunyai kemauan untuk kembali, namun mereka tidak mengambil insiatif yang sewajarnya dalam usaha untuk kembali pulih. Berdasarkan kepada isu ini, kajian perlu untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan kesedaran dan sikap dalam kalangan pelajar terhadap hubungan songsang ini. Sekiranya tahap kefahaman adalah rendah, institusi perlu mengambil langkah untuk merangka pendekatan pendidikan, pencegahan, dan sokongan yang sesuai untuk menangani stigma, menggalakkan dialog sihat, dan memupuk masyarakat yang lebih inklusif serta harmoni.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

- 1) Tahap kefahaman pelajar Kolej Komuniti Tambunan terhadap hubungan songsang
- 2) Tahap kesedaran pelajar Kolej Komuniti Tambunan tentang hubungan songsang
- 3) Sikap pelajar Kolej Komuniti Tambunan Terhadap hubungan songsang

Sorotan Kajian

Konsep perhubungan songsang atau sama jantina merujuk kepada interaksi sosial yang berlaku antara individu yang sama jantina. Dalam konteks ini, perhubungan boleh merangkumi pelbagai bentuk, seperti persahabatan, mahupun perhubungan percintaan. Penyelidikan tentang hubungan sesama jantina telah menunjukkan bahawa penyakit sosial ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk norma budaya, komunikasi dan emosi. Dalam konteks Islam, hubungan sesama jenis atau songsang adalah haram dan bertentangan dengan ajaran syariat. Hal ini berdasarkan pelbagai sumber syariat Islam termasuk al-Quran dan Hadis yang menekankan kepentingan menjaga kesucian perhubungan sesama manusia dan mematuhi norma-norma yang ditetapkan oleh Allah SWT. Antara sebab utama perhubungan sejenis dianggap haram dalam Islam adalah kerana ia bertentangan dengan fitrah manusia sebagaimana yang ditentukan oleh Allah. Dalam al-Quran, Allah menciptakan manusia berpasangan iaitu lelaki dan perempuan, dan hubungan seksual hanya dibenarkan dalam konteks perkahwinan yang sah antara keduanya (Khotimah & Efendi, 2021). Kajian Khotimah dan Efendi menunjukkan dalam pandangan Islam, perhubungan yang tidak mengikut norma tersebut boleh mengakibatkan kerosakan akhlak dan sosial dalam masyarakat (Khotimah & Efendi, 2021).

Selain itu, hubungan sesama jantina juga dianggap sebagai satu bentuk penyelewengan daripada ajaran agama yang boleh memberi kesan negatif kepada individu dan masyarakat. Golongan ini dilihat bergerak melalui sokongan dan dokongan pelbagai pihak dengan menjadikan isu hak kebebasan asasi sebagai tunjang perjuangan mereka (Ismail et al., 2020). Dalam konteks ini, Syamsuddin et al. (2012) menjelaskan bahawa Islam mengajar kepentingan menjaga kehormatan dan kesucian diri, serta menjauhi tingkah laku yang boleh merosakkan ketenteraman sosial. Ini selaras dengan prinsip maqashid al-syariah yang menekankan keperluan menjaga kemaslahatan umat dan mencegah kerosakan (Muslimin et al., 2020). Tambahan pula, hubungan sejenis boleh menyebabkan konflik dalam struktur keluarga dan masyarakat. Dalam kajian Mu'Min menjelaskan bahawa hubungan yang tidak sesuai dengan ajaran Islam boleh mencetuskan perpecahan dalam keluarga dan mengganggu keharmonian sosial (Umar, 2023). Oleh itu, adalah penting bagi umat Islam untuk memahami dan mematuhi ajaran agama dalam menjalinkan hubungan antara satu sama lain.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Responden kajian ini adalah seramai 75 pelajar di Kolej Komuniti Tambunan. Jumlah ini mencukupi berdasarkan pandangan Hair et al. (2018) yang menyatakan kajian memerlukan sekurang-kurangnya 50 sampel dan umumnya 100 sampel untuk kebanyakan situasi penyelidikan. Item kajian (dalam Jadual 2 dan 3) dibangunkan sendiri, namun telah melalui proses penyemakan pembinaan item oleh pensyarah yang mengajar metodologi, dan kebolehpercayaan item. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah menggunakan soal selidik yang diedarkan menggunakan google form. Data yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min bagi persepsi pelajar. Nilai skor min akan di terjemah kepada nilai tahap seperti yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019) seperti berikut: 1.00– 1.99 (Lemah), 2.00– 2.99 (Rendah), 3.00– 3.99 (Sederhana) dan 4.00– 5.00 (Tinggi).

Hasil Kajian

Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden

	Item	n	%
Jantina	Lelaki	40	53.3
	Perempuan	35	46.7
Agama	Bukan Islam	37	49.3
	Islam	38	50.7
Program	Sijil Agroteknologi	27	36.0
	Sijil Pengembaran Pelancongan	33	44.0
	Sijil Penyelenggaraan Kenderaan	15	20.0
	Pacuan Empat Roda		
Semester	1.00	54	72.0
	2.00	11	14.7
	3.00	10	13.3
HPNM	1.00 ke bawah	1	1.3
	3.43 - 3.67	11	14.7
	3.68 - 4.00	9	12.0
	Semester 1 (Tiada HPNM)	54	72.0

Pendapatan Ibu	RM4,850 dan kebawah	71	94.7
Bapa	RM4,851 - RM10,970	4	5.3

Pemahaman terhadap Hubungan Songsang

Jadual 2: Analisis Tahap Kefahaman Terhadap Hubungan Songsang

Item	S.P	Min
Saya memahami maksud hubungan songsang dari perspektif Islam.	0.804	3.613
Saya tahu tentang dalil-dalil yang melarang hubungan songsang dalam Islam.	0.889	3.560
Hubungan songsang adalah salah satu penyakit sosial yang merosakkan akhlak.	0.911	3.813
Saya pernah membaca bahan berkaitan hukum hubungan songsang menurut syariah.	0.853	3.387
Saya tahu perbezaan antara hak asasi manusia dan hukum Islam berkaitan hubungan songsang.	0.873	3.573
Saya memahami faktor-faktor yang menyebabkan individu terlibat dalam hubungan songsang.	0.811	3.533
Saya percaya hubungan songsang bertentangan dengan fitrah manusia.	0.799	3.640
Saya sedar bahawa Islam mempunyai kaedah pemulihan bagi individu yang terlibat dalam hubungan songsang.	0.866	3.707
Saya memahami peranan masyarakat dalam menangani isu hubungan songsang.	0.822	3.693
Pendidikan agama yang kukuh dapat membantu menangani isu hubungan songsang.	0.890	3.933

Berdasarkan kepada analisis tahap kefahaman terhadap hubungan songsang yang ditunjukkan dalam Jadual 2, secara puratanya semua item berada pada tahap sederhana (min antara 3.00 – 3.99). Ini menunjukkan bahawa terdapat kefahaman pelajar berkaitan pendidikan hubungan songsang namun tidak begitu tinggi. Keadaan ini kemungkinan disebabkan kurangnya atau tiada pendidikan secara formal berkaitan isu ini, dan kemungkinan pelajar hanya pendedahan daripada ceramah-ceramah di masjid atau di media sosial.

Kesedaran tentang Hubungan Songsang

Jadual 3: Analisis Tahap Kesedaran tentang Hubungan Songsang

Item	S.P	Min
Hubungan songsang boleh membawa kesan negatif kepada masyarakat.	0.953	3.893
Saya percaya pendidikan awal di peringkat sekolah penting untuk menangani isu ini.	0.862	4.013
Media sosial menyumbang kepada normalisasi hubungan songsang di kalangan belia.	0.935	3.667
Saya menyedari pentingnya peranan institusi agama dalam meningkatkan kesedaran masyarakat.	0.893	3.987
Saya bersedia menyertai program kesedaran untuk menangani isu hubungan songsang.	0.851	3.707

Saya sedar bahawa hubungan songsang boleh memberi kesan kepada kestabilan institusi keluarga.	1.050	3.707
Saya percaya bahawa institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam menangani isu ini.	0.841	3.907
Saya memahami risiko kesihatan yang dikaitkan dengan hubungan songsang.	0.822	3.800
Saya sedar bahawa isu ini memerlukan pendekatan bersepada dari pihak berkuasa dan masyarakat.	0.844	3.827
Saya berpendapat bahawa kempen kesedaran tentang hubungan songsang perlu lebih diperluaskan.	0.949	3.933

Berdasarkan kepada analisis tahap kesedaran terhadap hubungan songsang yang ditunjukkan dalam Jadual 3, secara puratanya semua item berada pada tahap sederhana (min antara 3.00 – 3.99), hanya satu item berada pada tahap tinggi (min 4.00 – 5.00). Secara rumusannya dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran pelajar berkaitan pendidikan hubungan songsang namun tidak begitu tinggi. Seperti juga dengan tahap kefahaman pelajar, keadaan ini juga kemungkinan disebabkan kurangnya atau tiada pendidikan secara formal berkaitan isu ini, dan kemungkinan pelajar hanya pendedahan daripada ceramah-ceramah di masjid atau di media sosial. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Muhammad et al. (2023) mendapatkan tahap pengetahuan asas dan kesedaran mengenai isu LGBT masih berada dalam skala sederhana. Ini merupakan petanda kurang baik untuk masa depan sosial belia Muslim Malaysia secara umumnya. Justeru kesedaran dan pemahaman tentang signifikan pengharaman LGBT perlu terus dilaksanakan dari akar umbi.

Sikap Terhadap Hubungan Songsang

Jadual 4: Analisis Sikap Terhadap Hubungan Songsang

Item	S.P	Min
Saya pernah memikirkan untuk terlibat dalam hubungan songsang.	1.229	2.053
Saya merasakan hubungan songsang adalah sesuatu yang boleh diterima dalam masyarakat moden.	1.218	2.053
Saya pernah terdedah kepada kandungan yang mempromosikan hubungan songsang di media.	1.198	2.253
Saya merasakan tekanan daripada rakan sebaya untuk menerima hubungan songsang sebagai normal.	1.238	2.147
Saya percaya hubungan songsang adalah sebahagian daripada hak kebebasan individu.	1.256	2.333

Berdasarkan kepada analisis sikap terhadap hubungan songsang yang ditunjukkan dalam Jadual 4, secara puratanya semua item berada pada tahap rendah (min antara 2.00 – 2.99). Secara rumusannya dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap negatif terhadap kelakuan yang bertentangan dengan agama dan norma semula jadi manusia yang diciptakan berpasang-pasangan iaitu lelaki dan perempuan.

Kesimpulan

Isu berkaitan dengan kesedaran pendidikan berkaitan dengan bahaya hubungan songsang adalah sangat penting. Ini kerana hubungan ini adalah penyakit sosial yang kian menular dan seolah-olah diterima oleh sosial. Berdasarkan isu ini kajian kesedaran telah dijalankan ke atas

pelajar di Kolej Komuniti Tambunan Sabah. Secara rumusannya, dapatan menunjukkan tahap kefahaman dan kesedaran pelajar adalah pada tahap sederhana, manakala sikap pelajar terhadap hubungan songsang adalah rendah, yang menunjukkan pelajar tidak dapat menerima hubungan songsang ini dalam kehidupan normal.

Bagi meningkatkan kesedaran dan menangani isu hubungan sejenis dalam kalangan pelajar Islam, kajian ini mencadangkan beberapa langkah perlu dilaksanakan. Satu saranan utama ialah menganjurkan ceramah dan seminar yang memfokuskan kepada perspektif Islam mengenai perkara itu. Sesi ini harus bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran dengan cara yang penuh belas kasihan dan mendidik. Di samping itu, pendidikan agama perlu digalakkan secara menyeluruh, menggabungkan dialog terbuka, sokongan kaunseling, dan aktiviti yang berpaksikan kepada pemupukan perpaduan dan persaudaraan (ukhuwah). Di samping itu, kempen yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar juga sering disebut. Kempen ini boleh merangkumi aktiviti seperti program motivasi, bengkel, dan pengedaran poster bermaklumat yang menonjolkan implikasi negatif hubungan sejenis. Begitu juga bimbingan dan kaunseling atau nasihat secara personal perlu diberikan kepada pelajar yang terjerumus dengan isu ini. Ini boleh melibatkan kaunselor Muslim terlatih yang menawarkan bimbingan yang tidak menghakimi dan menyokong sejajar dengan prinsip Islam.

Dari segi pendidikan formal, kajian ini mencadangkan supaya diselitkan pelajaran mengenai tanggungjawab moral dan hubungan manusia dalam pengajian Islam atau pendidikan kesihatan. Pendidikan sebegini boleh dilengkapkan dengan pelbagai aktiviti seperti drama pendek atau perbincangan yang menangani cabaran dan penyelesaian Islam. Penglibatan komuniti dan institusi juga perlu dititikberatkan. Kerjasama antara sekolah, masjid dan alim ulama boleh membawa kepada inisiatif yang memberi kesan seperti forum, sesi Soal Jawab atau bengkel keibubapaan. Keluarga juga dilihat sebagai pemain utama dalam mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang dan kebijaksanaan tentang isu-isu ini, di samping kajian dan usaha untuk mengenal pasti punca seperti faktor sosial atau psikologi yang mempengaruhi hubungan sejenis dan menanganinya secara empati juga perlu dijalankan. Semua inisiatif ini bertujuan untuk memberikan panduan untuk memupuk kefahaman berkaitan bahaya hubungan songsang bagi membina kehidupan yang sihat selari dengan ajaran Islam.

Rujukan

- Abdullah, F., & Akhir, N. M. (2019). LGBT dalam kalangan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1-11.
- Ahmad, M. I., Adnan, H. A., Satar, A. J., Sulaiman, W. S. W., Azreena, W. J., Abidin, Z. J., & Zain, W. M. W. (2015). Faktor dan cara gaya hidup serta kemungkinan kembali pulih dalam kalangan lesbian: Satu kajian kes. *e-BANGI*, 10, 1-15.
- Fatoni, Z. and Situmorang, A. (2020). Determinan perilaku berisiko remaja terkait seksualitas di era globalisasi: kasus kota medan. *Jurnal Kependudukan Indonesia*, 14(2), 137. <https://doi.org/10.14203/jki.v14i2.491>
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2018). Multivariate Data Analysis (8th ed.).United Kingdom: Cengage Learning
- Ismail, M. A. M., Yahaya, M. H., Jamal, I. H., & Wakil, M. N. A. (2020). Isu LGBT Di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian: LGBT Issues In Malaysia: A Review Of Research Aspects. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 459-470.
- Khotimah, H. and Efendi, N. (2021). Perbedaan dasar konsep upah islam dan barat. *Jurnal Cakrawala Ilmiah*, 1(3), 239-250. <https://doi.org/10.53625/jcijurnalcakrawalaindonesia.v1i3.606>
- Mahmud, M., & Zainol, N. Z. N. (2022). Fenomena LGBT di Malaysia: Analisis Faktor dan Kaedah Pemulihan [The Phenomenon of LGBT In Malaysia: Factor Analysis and Rehabilitation Services for LGBT]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 23(3), 136-147.
- Mallory, C. and Sears, B. (2020). Lgbt discrimination, subnational public policy, and law in the united states.. <https://doi.org/10.1093/acrefore/9780190228637.013.1200>
- Muhammad, F. S., Jamil, A. N., & Razali, M. (2023). Pengajaran kolaboratif subjek CTU101: Kajian kesedaran terhadap isu LGBT dalam kalangan pelajar UiTM. *Jurnal 'Ulwan*, 8(1), 204-218.
- Mohamad, M. (2015). Lesbian, gay, biseksual dan transgender: Perspektif undang-undang jenayah syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 19, 29.
- Moldes, V. M., Biton, C. L. L., Gonzaga, D. J., & Moneva, J. C. (2019). Students, Peer Pressure and their Academic Performance in School. In V. M. Moldes, C. L. L. Biton, D. J. Gonzaga, & J. C. Moneva, International journal of scientific and research publications (Vol. 9, Issue 1). <https://doi.org/10.29322/ijrsp.9.01.2019.p8541>
- Muslimin, S., Zainab, Z., & Jafar, W. (2020). Konsep penetapan harga dalam perspektif islam. *Al-Azhar Journal of Islamic Economics*, 2(1), 1-11. <https://doi.org/10.37146/ajie.v2i1.30>
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Setiawan, R., Fatimah, D., & Slamet, C. (2012). Perancangan sistem pakar untuk pembagian waris menurut hukum islam (fara'id). *Jurnal Algoritma*, 9(1), 1-8. <https://doi.org/10.33364/algoritma.v.9-1.1>
- Tibus, E. D., & De Gracia, V. N. (2024). Are Demographic Profile and Study Habits Precursors of Academic Performance Among English Majors?. *Library Progress International*, 44(3), 1944-1956.
- Umar, H. (2023). Kedudukan hukum anak lahir diluar nikah dari hubungan sedarah (incest) menurut hukum islam dan hukum positif. *Adhki Journal of Islamic Family Law*, 4(1), 35-45. <https://doi.org/10.37876/adhki.v4i1.120>